

kampus

UMP terajui penyelidikan kejuruteraan sukan

UTUSAN MALAYSIA (KAMPUS) 14 MAC 2016 11/5 21

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan Institut Sukan Negara (ISN) bagi menerajui penyelidikan kejuruteraan sukan di Malaysia yang bakal memberi fokus terhadap penyelidikan berasaskan kejuruteraan untuk membantu atlet tempatan mencapai aras daya saing yang tinggi melalui pendekatan saintifik demi melahirkan atlet yang berprestasi tinggi.

Pemeteraian persefahaman kedua-dua pihak ini bertepatan dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi serta Kementerian Belia dan Sukan untuk memartabatkan sukan tanah air melalui kerjasama strategik ini.

Aspirasi persefahaman ini melibatkan perkongsian kepakaran, pengetahuan dan pengalaman dalam bidang sains sukan, perubahan sukan, kejuruteraan, sains dan teknologi serta mewujudkan jalinan kerjasama melalui pembangunan penyelidikan sains dan kejuruteraan sukan.

Majlis menyaksikan MOU ditandatangani Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd Yunus manakala ISN diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Dr. Mohd. Khairi Zawi dan Ahli Lembaga ISN, Hazally Jali dalam majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet UMP Gambang.

Daing Nasir berkata, UMP yang memfokus terhadap bidang kejuruteraan, sains dan teknologi tulen menampilkan keunikan yang inovatif melalui



DAING NASIR IBRAHIM (empat dari kanan) bertukar dokumen bersama Dr. Mohd Khairi Zawi dalam majlis menandatangani memorandum persefahaman di UMP Gambang, Pahang baru-baru ini.

penyelidikan diinterpretasi yang berkaitan.

Katanya, pada 2011, apabila KPT memandatkan UMP untuk menerajui

penyelidikan kejuruteraan sukan di Malaysia, universiti ini melihat kepercayaan tersebut sebagai satu peluang lonjakan kegemilangannya.

“Walaupun seseorang atlet itu secara umumnya dinilai berdasarkan aspek pemakanan, kecergasan dan taktikal, namun perkembangan penyelidikan telah mendapati bahawa aspek kejuruteraan sukan juga signifikan dalam mempengaruhi prestasi atlet,” katanya.

Menurut beliau, penyelidikan yang dilakukan di Makmal iMAMS melihat aspek aplikasi teknikal matematik dan fizik untuk membantu menyelesaikan masalah dalam pembangunan sukan untuk membantu pencapaian atlet melalui rekabentuk peralatan, analisis pencapaian atlet, jaminan keselamatan peralatan dan pembangunan alat bantu kejuruteraan.

Dalam masa yang sama UMP turut menandatangani MoU dengan Silterra Malaysia Sdn. Bhd yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Firdaus Abdullah dan Pengarah Korporat & Pembangunan, Tahiruddin Hamdan. Dengan pemeteraian kerjasama dengan Silterra ini akan memberi nilai tambah kepada UMP dalam mengembangkan lagi penyelidikan dalam Kejuruteraan Industri, Kejuruteraan Pembuatan, IC Design, Pembangunan Perisian, Automasi dan Pembangunan Sumber Manusia serta lain-lain dalam Kejuruteraan Industri.

Hubungan bilateral ini turut meninjau prospek kolaborasi dalam bidang-bidang berpotensi untuk dijayakan oleh kedua-dua institusi ini.

Majlis turut dihadiri Dekan FKP, Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan pensyarah UMP, Profesor Dr. Zahari Taha.